

5.3.2.2 Emosi anak tatih (16-36 bulan)

- Emosi turun naik seperti 'roller coaster'
- Usia 2 tahun : sudah tahu menunjukkan emosi dan emosi yang ditunjukkan memang disengajakan - tidak ragu-ragu untuk melakukannya.
- Mahu 'bebas' tetapi tidak mahu ditinggalkan bersendirian - rasa diri 'sudah besar' tetapi mahu dibelai.
- 'reject syndrome' - dalaman kanak-kanak bukan 'menentang' ibu bapa. 'temper tantrum' (tidak mampu meluahkan perasaan sepenuhnya dalam bentuk perkataan/verbal)
- Berbagai bentuk perasaan takut: bunyi bising, suara binatang, bilik gelap, 'hilang' ibu bapa, perubahan persekitaran dan sebagainya (takut pada apa saja yang 'dianggap' bahaya).

5.3.2.3 Emosi anak prasekolah (36 bulan hingga ke usia enam tahun)

- Usia 3-4 tahun sudah boleh memahami perkaitan antara emosi dan persekitaran/sebab yang mempengaruhi emosi.
- Mula belajar mengawal emosi yang turun naik.
- Pemahaman terhadap emosi orang lain terbatas hanya kepada emosi yang ditunjukkan melalui memek muka.
- Perasaan takut yang terbentuk berkait dengan imaginasi dan khayalan berserta perkembangan daya kreativiti dan pemikiran abstrak. Contohnya takut hantu, takut jatuh.
- Lebih berdikari, kurang physical contact dengan ibu bapa.

- Lebih banyak bercakap untuk mencurah perasaan/menangani perasan.

5.3.2.4 Perkembangan emosi kanak-kanak usia pertengahan (7-14 tahun)

- Sudah pandai menyembunyikan emosi yang negatif dengan berpura-pura menunjukkan keseronokan.
- Sudah mula memahami dan menghurai emosi yang kompleks : perasaan malu, rasa bersalah, rasa bangga dan cemburu.
- Perasaan takut mula berkembang kepada yang lebih realistik - takut sekolah, takut berkomunikasi, takut kejadian jenayah.
- Mahu disayangi tetapi bukan ditonjolkan depan ramai.
- Amat memerlukan bantuan mengenalpasti emosi marah agar tidak 'out of control'; belajar mengawal perasan.
- Perlu perhatian dan dorongan mengatasi rasa takut.
- Mula memahami keperluan kumpulan.